

PREVALENCE OF HYPERTENSION IN PREGNANCY AND CONTRIBUTING FACTORS IN SEGAMAT HOSPITAL, JOHORE, 1995

PREVALENS PENYAKIT DARAH TINGGI SEMASA HAMIL DAN FAKTOR-FAKTOR YANG BERKAITAN DENGANNYA DI HOSPITAL SEGAMAT JOHOR, 1995

Norhamimah Abdullah, Hanafiah Mohd. Salleh

ABSTRACT

A cross-sectional study was conducted at Hospital Segamat, Johor to study the prevalence of hypertension in pregnancy and the contributing factors. A total of 290 mothers were obtained using stratified random sampling method according to ethnic where the list of the mother's name who delivered at that hospital from October 1994 till November 1994 were used as the sampling frame. Informations were extracted from antenatal cards and books. The study revealed that the prevalence of hypertension in pregnancy was 14.1% (41 mothers). The antenatal visits, past history of hypertensive in pregnancy and obesity factor had statistically significant link with hypertension in pregnancy ($P < 0.05$). The most common complication to the fetus was low birth weight (9.8%) but not significant statistically while Eclampsia (4.9%) was the most significant complication to the mother. Even though hypertensive in pregnancy cannot be prevented totally, therefore antenatal care is essential in order to reduced the complications to the mother and fetus by emphasizing on health education to mother especially on reducing weight before getting pregnant.

Key words : Hypertension in pregnancy, contributing factors, complications to mothers and fetolls.

ABSTRAK

Satu kajian irisan lintang telah dijalankan di Hospital Segamat, Johor untuk mengkaji, prevalens penyakit darah tinggi semasa hamil dan faktor-faktor yang berkaitan dengannya. Seramai 290 orang ibu telah diperolehi secara persampelan rawak berstrata mengikut etnik di mana rangka sampel adalah terdiri daripada senarai nama ibu yang telah bersalin di Hospital tersebut pada bulan Oktober 1994 hingga November 1994. Data didapati daripada kad pranatal serta buku jagaan ibu. Didapati bahawa prevalens penyakit darah tinggi semasa hamil adalah 14.1% (41 orang). Faktor bilangan lawatan antenatal, sejarah lalu darah tinggi semasa hamil serta obesiti didapati mempunyai hubungan statistik yang signifikan dengan penyakit darah tinggi semasa hamil ($p < 0.05$). Dari segi komplikasi anak pula didapati bayi lahir kurang berat badan adalah merupakan komplikasi utama penyakit ini (9.8%), walaubagaimanapun tiada hubungan statistik yang bererti. Di dalam kajian ini didapati Eklampsia adalah merupakan komplikasi ibu yang utama (4.9%) dan signifikan di kalangan ibu yang ada penyakit darah tinggi semasa hamil. Walaupun penyakit darah tinggi semasa hamil ini tidak boleh dicegah sepenuhnya, namun penjagaan antenatal yang sempurna adalah penting ke arah mengurangkan komplikasi ibu dan anak dengan memberi penekanan kepada pendidikan kesihatan kepada ibu terutama dari segi pengurangan berat badan sebelum kehamilan.

Kata kunci: Penyakit darah tinggi semasa hamil, faktor-faktor yang berkaitan, komplikasi ibu dan anak.